

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)20

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

20. Apakah status terkini Projek Penambakan Laut seluas 650 hektar di sepanjang Bagan Ajam ke Telok Ayer Tawar?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 8/2019 pada 30 September 2019 dan disahkan pada 24 Oktober 2019 telah meluluskan Cadangan Pelan Induk Pembangunan Tebus Guna Tanah seluas 407 hektar dari Bagan Ajam hingga Telok Air Tawar untuk tujuan pembangunan bercampur.

Walau bagaimanapun, Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RCSB) telah memohon pindaan tajuk Cadangan Pelan Induk berkenaan dan perlu mendapat kelulusan semula daripada Jawatankuasa Perancang Negeri.

Seterusnya projek ini akan dibawa ke Majlis Perancangan Fizikal Negara bagi mendapatkan nasihat.

RCSB perlu menyiapkan kerja-kerja tebus guna tanah dalam tempoh sembilan (9) tahun selepas mendapat kelulusan *Commencement of Work (COW)*.